

MAHATHIR GUAMAN

(1)

1983.

KUALA LUMPUR, 31 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HARI INI BAHAWA BANYAK AMALAN PERUNDANGAN NEGARA-NEGARA MAJU TERMASUK GUAMAN TIDAK BOLEH DITERIMA SEPENUHNYA OLEH MALAYSIA.

+SAYA MAHU JELASKAN BAHAWA KITA TIDAK MENERIMA SETIAP YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA-NEGARA YANG DIKENALI BERTAMADUN DAN MAJU SEBAGAI BAIK+, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN KETUJUH UNDANG-UNDANG MALAYSIA DI SINI.

KATANYA KINI TERDAPAT ALIRAN KE ARAH TINDAKAN GUAMAN BAGI MENDAPATKAN GANTIRUGI LEBIH BESAR DI NEGARA INI DISAMPING TERDAPATNYA KECENDERUNGAN UNTUK LUPA BAHAWA NEGARA INI BUKAN SEBUAH NEGARA MAJU.

MALAYSIA, KATANYA TIDAK MAMPU MEMBUAT BAYARAN SEPERTI ITU DAN ADALAH SILAP UNTUK MENYANGKA BAHAWA HANYA SYARIKAT INSURAN YANG TERPAKSA MEMBAYAR KOS ITU.

MENURUTNYA, JIKA ALIRAN ITU BERTERUSAN, RAKYAT YANG TERPAKSA MEMBAYAR KOS SEUMPAMA ITU DALAM JANGKA PANJANG MEMYEBABKAN RAKYAT MISKIN KERUGIAN.

+SAYA HARAP PARA PEGUAM, MAJLIS GUAMAN DAN SEMUA YANG TERLIBAT AKAN MENKKAJI DENGAN MENDALAM HAL ITU+, TAMBAH BELIAU.

--LAGI 1526/AN

NNNN

ZCZC 0569

MAHATHIR-GUAMAN 2 KUALA LUMPUR

KATANYA TERDAPAT JUGA SANGKAAN BAHAWA KUASA UNTUK MENYAMAN AKAN MENJAMIN MASYARAKAT YANG SELAMAT TETAPI IA MENGELIRUKAN, KATA BELIAU.

SEKIRANYA SESEORANG PEMBUAT TUNTUTAN MENDAPAT PAMPASAN BESAR SUDAH PASTI PREMIUM INSURAN KEPADA RAKYAT DALAM KES SEPERTI ITU MENJADI BESAR DAN AKAN LEBIH BERAT DARI PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG YANG ADA. TAMBAH BELIAU.

+DI SAMPING KOS KEPADA MASYARAKAT, PERKHIDMATAN JUGA AKAN MEROSOT+ KERANA SESEORANG DOKTOR AKAN TAKUT MERAWAT SESEORANG MANGSA KEMALANGAN KERANA BIMBANG DIDAKWA.

BELIAU MENJELASKAN WALAUPUN BEBERAPA PRINSIP PERUNDANGAN ENGLAND, AUSTRALIA DAN SEBAGAINYA BOLEH DITERIMA DI SINI, SEGALA AMALANNYA TIDAK BOLEH DITERIMA SEPENUHNYA SEBAB UNDANG-UNDANG ITU PERLU DISESUAIKAN DENGAN ALAM SEKITARNYA.

MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA MEMBANGUN YANG PENDAPATAN PURATA ADALAH JAUH LEBIH RENDAH DARI NEGARA-NEGARA MAJU DAN KERANA ITU IA MEMERLUKAN UNDANG-UNDANG YANG SESUAI DENGAN KEUPAYAANNYA SAHAJA.

--LAGI 1530/AN

MAHATHIR-GUAMAN 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEKURANGAN BIRO BANTUAN GUAMAN DARI KEMANGAN DAN KAKITANGANNYA, PERDANA MENTERI MENCADANGKAN SUPAYA MAJLIS GUAMAN MEMAINKAN PERANAN LEBIH BERMAKNA DENGAN MEMBERI PERKHIDMATAN MEREKA KEPADA RAKYAT BIASA.

MEREKA PERLU MEMIKIRKAN TENTANG CARA MEMPASTIKAN KEADILAN DISAMPAIKAN KEPADA BEBERAPA BANYAK RAKYAT YANG BOLEH KERANA ITU ADALAH TANGGUNGJAWAB SOSIAL PARA PEGUAM KEPADA ORANGRAMAI.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU DIBERITAHU BAHAWA ADA PEGUAM YANG MENYANGKA MEREKA ADALAH PENGAWAS RAKYAT AGAR TIDAK TERANAIYA OLEH PELAKSANA UNDANG-UNDANG.

BELIAU BERKATA PERANAN PENGAWAS ITU TIDAK DIMAINKAN OLEH PIHAK PEGUAM SAHAJA KERANA TERDAPAT BANYAK LAGI KUMPULAN YANG MEMAINKAN PERANAN SERUPA ITU.

BAGAIMANAPUN, +DALAM SEBUAH NEGARA DEMOKRATIK KUMPULAN PENGAWAS PALING PENTING DAN BERKESAN IALAH PARA PENGUNDI SENDIRI.

--LAGI 1537/AN

MAHATHIR-GUAMAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA AKHIR-AKHIR INI TERDAPAT KONSEP BAHAWA +PENDEDAHAN+ SANGAT POPULAR KERANA IA DIAMALKAN DI BEBERAPA NEGARA MAJU DAN PERLU DIAMALKAN DI NEGARA INI.

KATANYA ANDAIAN TERSEBUT TIDAK MATANG KERANA MENURUTNYA APA YANG DIPERLUKAN BAGI MENGATASI HAL ITU IALAH DENGAN MENDEDAHKANNYA KEPADA ORANGRAMAI.

+TETAPI BANYAK PERISTIWA YANG BERLAKU TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA TIDAK ADA YANG BOLEH DIDAPATI DARI PENDEDAHAN, MALAH LEBIH BANYAK BURUKNYA TELAH DIBUKTIKAN+, TAMBAH BELIAU.

MENURUT PERDANA MENTERI SEBENARNYA TELAH TERDAPAT BANYAK BUKTI MENUNJUKKAN BAHAWA BANYAK NEGARA MAJU MASIH TIDAK PUAS HATI DENGAN SISTEM MEREKA.

BELIAU KEMUDIAN MENGGESA MEREKA SUPAYA MENKAJI LEBIH MENDALAM LAGI SEBELUM MENCADANGKAN AGAR NILAI-NILAI BARAT ITU DIGUNAKAN DI MALAYSIA TANPA MENGENDAHKAN KEGANJILAN ALAM SEKELILINGNYA.

--LAGI 1539/AN

NNNN

ZCZC B576

MAHATHIR-GUAMAN 5 KUALA LUMPUR

+MEREKALAH GOLONGAN YANG MEMILIH KERANA KERAJAAN DAN MEREKA MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENJATUHKANNYA.

+LAIN-LAIN BADAN BOLEH MENGAKUI MEREKA BIJAK DAN BERPENGETAHUAN TETAPI DALAM SUASANA DEMOKRASI, MEREKA TIDAK BOLEH MEMAKSA KEPADA RAKYAT MAJORITI+, TAMBAH PERDANA MENTERI LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SANGGUP DINASIHATI OLEH MAJLIS PEGUAM DAN MENIMBANG SECARA SERIUS NASIHATNYA.

KATANYA +KERAJAAN MEMANG TELAH TERKENAL SANGGUP MEMINDA UNDANG-UNDANG SEBAB DIKRITIK SELEPAS UNDANG-UNDANG ITU DILAKSANAKAN. ADALAH TIDAK TERLEWAT UNTUK MEMBAIKINYA+.

+SAYA TELAH MENEMUI WAKIL TUAN-TUAN MENGENAI PINDAAN UNDANG-UNDANG TERBARU YANG TIDAK DISUKAI DAN KERAJAAN AKAN MENIMBANG SEMUA PERKARA YANG DITUMBULKAN ITU+, JELAS BELIAU.

--BERNAMA 1542/AN